

Pengecaman dibidas

Malangnya bukan
untuk baik
keadaan — Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu.— Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir malam ini, membidas mereka yang membuat kecaman demi kecaman terhadap polisi dan amalan Kerajaan bukan kerana minat untuk memperbaiki kedudukan ekonomi tidak seimbang antara kaum tapi untuk kepentingan politik diri atau parti.

Katanya, mereka berbuat demikian tidak menghiraukan fakta-fakta dan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dan slogan usang seperti "yang miskin lebih miskin dan yang kaya menjadi lebih kaya" diulang seperti "burung kakak tua yang boleh berkata-kata."

Ketika merasmikan Perdobatan Agung Ekonomi Universiti Malaya, di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah:

"Semuanya tidak betul belaka tapi apa yang betul tidak dihuraikan. Kalau adapun cadangan bagaimana mengatasi masalah yang masyarakat Malaysia hadapi, cadangan ini dibuat tanpa mengambil kira kesan cadangan ini bila diamalkan oleh negeri lain.

"Kerapahli kenyataan diketepikan dan alasan yang tidak benar sama sekali disebut dengan bula tull untuk menyokong pendirian diri sendiri".

Matlamat ekonomi

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan sedia mengakui bahawa cara yang diamalkan ini mempunyai banyak kelemahan dan belum mencapai matlamat keseimbangan ekonomi yang diadakan dan menambah, "Teguran harus dibuat terhadap amalan sekarang."

Ujar beliau, dilihat dari apa sudut sekalipun, masalah ekonomi Malaysia adalah satu masalah yang amat rumit dan maha pening.

"Lanya menjadi demikian bukan kerana kurang punca kekayaan semulajadi tapi kerana komposisi penduduk dan kebudayaan yang jauh berbeda antara kumpulan-kumpulan penduduk," katanya.

Tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, ia menjadi demikian politik negara diketepikan oleh politik parti dan ideologi bahkan politik diri.

"Yang diutamakan bukan ekonomi tapi kepentingan orang-orang tertentu yang mahu tempat di pentas tengah, yang ingin kuasa dan yang bercita-melihat orang lain berkuasa."

"Kerana politik yang benar tidak diberi tempat dan kejayaan yang telah dicapai diperkecilkecilkan. Tangan menyikut hingga ke pangkor tempayan untuk mencari yang buruk dan bila jumpa megah sekali rasanya dan dipamerkan sebagai bukti usaha yang telah dibuat," tambahnya lagi.

Kata Timbalan Perdana Menteri, teguran dilempar terhadap Kerajaan kerana kegagalan begitu banyak agensi-agensi perniagaannya.

"Benabernya kejayaan ini menunjukkan betapa terhadnya keupayaan Kerajaan menyertai bidang perniagaan sebagai cara mendapat hasil untuk belanjanya.

"Peristiwa Kerajaan rugi bila berniaga bukan didapati di Malaysia sahaja. Di Britain umumnya perusahaan besi dan lombong arang batu yang dulu begitu menguntungkan, sekarang mengalami kerugian besar setelah dimiliki Kerajaan," ujar beliau.

Katanya lagi, trend yang amat menarik minat sekarang ialah teguran tentang keislaman negara dan keislaman Kerajaan.

"Perkara ini popular sekali dan masing-masing boleh merencung dan memikir apa pula yang harus ditegur. Dan retungan ini tidak pernah gagal dari menjumpai lagi satu amalan yang boleh ditegur.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia